



IMEJ PERLAMBAHAN ‘TANGAN’ DALAM SIMPULAN BAHASA MELAYU: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

(‘Hand’ Symbol in Malay Idioms: Inquisitive Semantics Analysis)

Siti Elmira Jonteng^{1*}, Yazid Yahya¹, Siti Farida Salleh¹, Nurul Aida Abdullah¹, Mary Fatimah Subet¹

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding Author: elmirajonteng@gmail.com

Received: 25 February 2021 • Accepted: 20 April 2021 • Published: 30 April 2021

Abstract

Malay idioms can express the wisdom of philosophy and common sense in the Malay community to convey a specific message. However, Malay Idioms underestimated by the society, particularly in education system nowadays. This study aimed to analyse the Malay idioms that has ‘hand’ symbol using inquisitive semantics. The importance of this study is to develop more inquisitive semantics’s study in addition to explore the power of Malay community thought in the past by choosing certain lexical to associate with people or other things. Based on purposive sampling, there are 24 Malay idioms using ‘hand’ symbol in Kamus Peribahasa Melayu Edisi Kelima. The findings of the study found that, there were 11 idioms themed temperament, attitude and deed, five idioms themed profit, fate and futility, one idiom themed knowledge and lessons, 5 idioms themed matters of life, 1 idiom themed situation and comparison and one idiom themed government matters and customs are still in use today. To explain the true meaning of this Malay idiom, inquisitive semantic approach and Bridging Cross Reference (BCR) was applied based on the corpus data at Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (PKDBP). The results of the study found that the concept of the hand is a part of body from elbow to the fingertips and indirectly the hand is one of the limbs that are widely used in daily activities. Therefore, this study not only describes the true meaning of Malay idioms, but can prove the wisdom of the Malay community in the past in using “hand” symbol and reflects human nature or behaviour figuratively.

Keywords: Malay idiom, body, hand symbol, inquisitive semantics

Abstrak

Simpulan bahasa Melayu dapat menunjukkan kebijaksanaan falsafah dan akal budi masyarakat Melayu terdahulu dalam menyampaikan sesuatu mesej tertentu. Namun begitu, simpulan bahasa semakin dipandang remeh oleh masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis simpulan bahasa Melayu yang menggunakan imej perlambangan ‘tangan’ dengan mengaplikasikan kajian semantik inkuisitif. Kepentingan kajian ini adalah untuk mengembangkan lagi kajian semantik inkuisitif, di samping untuk meneroka kehebatan pemikiran masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam memilih leksikal tertentu dalam penciptaan simpulan bahasa. Terdapat sebanyak 24 simpulan bahasa mempunyai imej perlambangan ‘tangan’ telah dapat dikesan dalam Kamus Peribahasa Melayu Edisi Kelima susunan Mohd. Tajuddin Hj Abd. Rahman (2017) berdasarkan pensampelan bertujuan. Dapatan kajian mendapati bahawa sebanyak sebelas (11) simpulan bahasa yang bertemakan perangai, sikap dan perbuatan, lima (5) simpulan bahasa bertemakan untung, nasib dan sia-sia, satu (1) bertemakan ilmu pengetahuan dan pelajaran, 5 bertemakan hal-hal kehidupan, satu (1) bertemakan keadaan dan perbandingan dan satu (1) simpulan bahasa bertemakan hal pemerintahan dan adat negeri masih diguna pakai sehingga kini. Bagi menghuraikan makna sebenar peribahasa tersebut, pendekatan semantik inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang (RRS) telah diaplikasikan dengan berpandukan data korpus dalam Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Hasil kajian mendapati bahawa konsep tangan merupakan bahagian yang terdapat pada anggota badan iaitu dari siku sehingga ke hujung jari dan secara tidak langsung tangan merupakan salah satu daripada anggota badan yang banyak digunakan dalam aktiviti seharian. Pengkaji juga telah mendapati bahawa kajian semantik inkuisitif dapat memberi gambaran keseluruhan yang mendalam terhadap penggunaan lambang ‘tangan’ selain mengetahui makna secara harfiah. Oleh itu, kajian semantik inkuisitif dapat menghuraikan makna sebenar simpulan bahasa tersebut yang memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam menggunakan imej perlambangan “tangan” bagi mencerminkan menyampaikan sesuatu mesej secara tersirat.

Kata kunci: Simpulan bahasa, anggota badan, tangan, semantik inkuisitif

Cite as: Jonteng, S.E., Yahya, Y., Salleh, S.F., Abdullah, N.A., Subet, M.F. (2021). ‘Hand’ Symbol in Malay Idioms: Inquisitive Semantics Analysis. *Asian People Journal*, 4(1), 108-131.

PENGENALAN

Peribahasa terdiri daripada simpulan bahasa, pepatah, bidalan dan perumpamaan. Kajian mengenai Simpulan Bahasa (SB) telah banyak dikaji (Hawiyah Baba & Nor Hashimah, 2015; Anida, 2012; Nor Afiah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin, 2016; Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang telah dikaji, masih terdapat jurang penyelidikan yang perlu dilakukan terhadap SB Melayu dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Hal ini kerana kajian Hawiyah dan Nor Hashimah (2015) memberi tumpuan kepada SB Melayu berdasarkan kajian pragmatik. Manakala terdapat juga kajian SB kata ‘makan’ yang menggunakan pendekatan kognitif (Anida, 2012). Maka, kajian semantik inkuisitif dengan menggunakan imej perlambangan anggota badan ‘tangan’ masih kurang diselidiki.

Nathesan (2008) menjelaskan bahawa semantik merupakan satu bidang ilmu yang mengkaji makna perkataan dan ayat dalam bahasa. Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019) menyatakan bahawa semantik inkuisitif merupakan suatu proses yang berlaku bagi mendalami makna yang tersirat di sebalik ungkapan peribahasa yang akan memberi pemahaman kepada falsafah dan akal budi Melayu. Semantik inkuisitif juga merupakan kajian yang melibatkan skrip, data, teori, kognisi, bahasa, budaya, falsafah dan akal budi penuturnya yang boleh mencerminkan pemikiran masyarakat Melayu (Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir, 2019).

Dalam kajian ini, pengkaji akan meneliti penggunaan imej perlambangan "tangan" dalam SB masyarakat Melayu. Analisis ini mengikut tahap-tahap yang telah diperkenalkan oleh Nor Hashimah iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. SB didefinisikan sebagai kata-kata ringkas atau rangkaian perkataan yang dirumuskan dalam susunan tertentu dan membawa makna yang tertentu. Sebagai batasan kajian ini, pengkaji akan menganalisis lima SB masyarakat Melayu yang menggunakan imej perlambangan "tangan" dalam tema "perlakuan, sikap dan perbuatan".

Sorotan literatur ini akan membincangkan dan menghuraikan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian semantik inkuisitif. Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan. Kebiasaannya pengkaji lepas menggunakan imej flora dan fauna dalam peribahasa sebagai data kajian. Antara pengkaji lepas yang mengaplikasikan Semantik Inkuisitif sebagai tatacara menganalisis data, ialah: Balveen Kaur dan Mary Fatimah Subet (2019), Muhammad Zaid Daud (2017; 2018a; 2018b; 2018c; 2018d; 2020), Muhammad Zaid dan Mary Fatimah Subet (2019a; 2019b; 2018c; 2019d), Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah Subet (2018a; 2018b; 2019; 2020), Tangaprabu Murthy et. al. (2019a; 2019b; 2019c); serta Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019).

Kajian semantik inkuisitif terhadap bahasa kiasan adalah berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Balveen Kaur dan Mary Fatimah Subet (2019) yang bertajuk 'Ironi dalam bahasa kiasan Punjabi: Analisis Semantik Inkuisitif'. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenal pasti unsur haiwan dalam bahasa kiasan Punjabi. Kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji dalam menyiapkan kajian ini adalah kaedah yang berbentuk kualitatif iaitu data dikumpul melalui hasil temu bual dengan informan berbangsa Punjabi seramai tiga orang bagi mendapatkan data kiasan dalam bahasa Punjabi yang berunsurkan haiwan.

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kiasan yang bersifat ironi dengan menyatakan unsur haiwan yang terdapat dalam bahasa kiasan Punjabi yang bersifat ironi melalui kaca mata semantik inkuisitif dalam memperlihatkan akal budi orang Punjabi. Pengkaji juga turut menyatakan bahawa makna yang terdapat pada peringkat semantik hanya memaparkan makna yang selapis sahaja dan tidak mendalam. Namun hal yang demikian, dengan pendekatan semantik inkuisitif, pengkaji mendapati bahawa penyebutan unsur haiwan dalam ujaran bahasa kiasan masyarakat Punjabi berbaur unsur Ironi dan mempunyai falsafah kehidupan masyarakat ini. Setiap bahasa kiasan yang dianalisis ada memaparkan makna berlapis yang perlu dikupas dengan mengaitkan makna selapis berkaitan dengan kehidupan masyarakat Punjabi secara keseluruhan yang merangkumi aspek norma dan pemikiran mereka serta tindak tanduk kehidupan yang mereka harungi seharian.

Terdapat tiga peringkat yang telah dijalankan oleh pengkaji dalam mengkaji semantik inkuisitif bahasa kiasan Punjabi ini iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Pengkaji akhirnya telah mendapati bahawa pendekatan inkuisitif ini menggabungkan data, teori, kognitif, falsafah dan akal budi sesebuah masyarakat. Antara contoh bahasa kiasan Punjabi yang telah dibincangkan oleh pengkaji dalam kajian ini

ialah *Meri billi menu meow* yang bermaksud ‘Kepunyaan kucing saya mengeow saya’ jika diterjemahkan secara langsung. Melihat kepada akal budi dan pemikiran masyarakat Punjabi, kisah seekor kucing merupakan satu cerita rakyat dalam Sikh dan dianggap sebagai seekor haiwan yang bijak kerana mengajar singa segala ilmu yang harus ada pada seekor kucing. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan unsur haiwan yang digunakan dalam kiasan menjurus kepada sifat negatif seseorang.

Seterusnya, kajian yang berkaitan dengan semantik inkuisitif terhadap peribahasa yang telah dilakukan oleh Muhammad Zaid Daud (2019a) bertajuk “Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif”. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mencungkil makna sebenar peribahasa Melayu ini sehingga membawa kepada akal budi penuturnya yang dinamakan sebagai semantik inkuisitif iaitu peralihan ke tahap yang tertinggi dalam menghuraikan makna peribahasa tersebut. Kaedah kajian yang telah diterapkan oleh pengkaji dalam menyiapkan kajian ini berbentuk kualitatif iaitu pada peringkat pertama adalah penentuan data manakala peringkat kedua pula adalah pencerakinan data serta pemetaan data pada peringkat ketiga. Peringkat keempat merupakan penganalisisan data yang merangkumi penentuan subjek kajian dan pengaplikasian semantik inkuisitif.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji ada menyatakan bahawa semantik skrip dan semantik resonans tidak mencapai tahap sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur dan pendengar. Hal ini demikian kerana semantik skrip hanya terhad kepada pengamatan dan andaian lalu yang membentuk taksiran makna secara tersurat dan semantik resonans pula menambah baik dengan mengambil kira data, teori dan kognitif secara tersirat.

Manakala semantik inkuisitif mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya mengaitkannya dengan akal budi penutur. Antara contoh dapatan kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian peribahasa Melayu ini ialah “Ayam bertelur di atas padi”. Contoh peribahasa Melayu tersebut berunsurkan ayam yang dikelaskan dalam domain rezeki berdasarkan makna harfiah peribahasa tersebut. Rumusan daripada kajian yang dilakukan dalam bidang semantik inkuisitif ini telah menampakkan perkembangan dan penggunaan data peribahasa Melayu yang dapat menunjukkan kearifan masyarakat terdahulu dalam mengasimilasikan unsur alam dalam membentuk sesuatu bahasa kiasan yang mampu memperlihatkan sikap dan kelakuan manusia.

Rumusannya, sorotan literatur yang telah dibincangkan ini sangat berkait rapat dan dijadikan rujukan dalam kajian ini. Namun begitu, berdasarkan sorotan kajian lepas pengkaji mendapati bahawa terdapat kekurangan kajian semantik inkuisitif yang melibatkan imej anggota tubuh badan sebagai data kajian. Sebagai inisiatif kepada kelompangan ini, pengkaji memulakan kajian semantik inkuisitif menggunakan imej perlambangan “tangan” dalam SB.

METODOLOGI


Kajian berbentuk kualitatif sepenuhnya telah diaplikasikan dengan menggunakan data sekunder yang melibatkan sejumlah SB Melayu yang berkaitan dengan anggota tubuh badan. Selepas pembacaan yang autentik, pengkaji telah menyenaraikan 24 data berkaitan dengan SB berimej tangan. Jadual 1 menunjukkan bahawa dapatan data yang dipetik secara persampelan bertujuan dikesan dalam Kamus Peribahasa Melayu Edisi Kelima susunan Mohd. Tajuddin Abd. Rahman (2017).

Jadual 1: Simpulan bahasa masyarakat Melayu yang menggunakan imej perlambangan “tangan”

Bil.	Simpulan Bahasa	Tema	Makna
1	Campur tangan	Hal-hal kehidupan	Melibatkan diri dalam urusan orang lain
2	Tangan kanan		Pembantu utama kepada ketua; orang yang dipercayai oleh ketua
3	Tangan terbuka		Sedia menerima kedatangan seseorang dengan sukacita
4	Pindah tangan		Berganti tangan; bertukar milik
5	Cuci tangan		Tidak mahu terlibat dalam urusan orang lain
6	Tangan panas	Untung, nasib dan sia-sia	Selalu sahaja gagal dalam setiap usaha atau kerja yang dilakukannya
7	Tangan dingin		Sering mendapat hasil yang baik daripada setiap usaha yang dilakukannya
8	Tangan naik		Selalu bernasib baik
9	Tangan turun		Selalu tidak beruntung
10	Naik tangan		Mendapat keuntungan
11	Tangan besi	Hal pemerintahan dan adat negeri	Pemerintahan kuku besi/ pemerintahan yang kejam.
12	Dalam tangan	Ilmu pengetahuan dan pelajaran	Sudah berada di dalam pengetahuan kita
13	Panjang tangan	Perlakuan, sikap dan perbuatan	Suka mencuri
14	Buah tangan		1) Hasil usaha 2) Hadiah atau barang-barang yang dibawa pulang daripada perjalanan/ Barang yang dibawa pulang perjalanan sebagai hadiah
15	Lepas tangan		Tidak bertanggungjawab dalam perkara atau tindakan yang dibuat
16	Air tangan		Masakan seseorang
17	Bekas tangan		1) hasil kerja 2) tanda tangan 3) tulisan tangan 4) pukulan
18	Tangan terbuka		Orang yang bermurah hati atau suka menolong orang lain
19	Ringan tangan		Suka memberi bantuan kepada orang lain
20	Naik tangan		Orang yang mudah hendak memukul orang lain
21	Angkat tangan		1) Mengaku kalah 2) Isyarat menandakan penyerahan diri
22	Gatal tangan		Suka melakukan perkara yang bukan-bukan
23	Tangan jahat		Suka melakukan kejahatan
24	Dalam tangan	Keadaan dan perbandingan	Sudah tentu atau pasti mendapatkan sesuatu

Walau bagaimanapun, sebagai batasan kajian ini pengkaji telah memfokuskan tema yang tertinggi dalam SB berimej “tangan”. Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa tema “Perlakuan, sikap dan perbuatan” merupakan tema yang paling tinggi berbanding tema “Hal-hal kehidupan”, “Untung, nasib dan sia-sia”, “Hal pemerintahan dan adat negeri”, “Ilmu pengetahuan dan pelajaran” serta “Keadaan dan perbandingan”.

Kajian ini dijalankan dengan berlandaskan kepada pendekatan semantik inkuisitif. Rajah 1 merupakan ringkasan bagi setiap peringkat kerangka semantik yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 1 : Kerangka Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah (2014)

Nor Hashimah Jalaluddin (2014) telah memperkenalkan bidang semantik inkuisitif dalam buku beliau yang bertajuk *Semantik dan Akal Budi Melayu* pada tahun 2014. Nor Hashimah Jalaluddin (2014) telah membahagikan kajian ini kepada tiga tahap. Tahap 1 yang lebih merupakan paparan harfiah dan makna permukaan telah banyak dilakukan. Tahap 1 ini lebih dikenali sebagai semantik skrip. Walau bagaimanapun, kajian semantik skrip ini tidak memadai kerana hanya melihat maknanya secara harfiah sahaja.

Oleh itu, muncul satu kajian yang lebih mengkaji makna sesuatu bahasa kiasan itu dengan lebih mendalam lagi iaitu pada peringkat kognitif. Kajian pada tahap semantik resonans ini akan mengaitkan data, teori (teori relevans dan rangka rujuk silang) dengan kognisi penuturnya. Peringkat ketiga pula dinamakan sebagai semantik inkuisitif. Semantik inkuisitif adalah penambahbaikan daripada peringkat semantik skrip dan semantik resonans. Semantik inkuisitif berupaya mengaitkan data, teori, kognisi dan falsafah dan akal budi penuturnya (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014).

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengembangkan lagi kajian semantik inkuisitif di samping untuk meneroka kehebatan pemikiran masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam memilih leksikal dalam penciptaan SB. Oleh itu, pengkaji akan menjalankan analisis semantik inkuisitif dengan menggunakan sebanyak lima contoh petikan dari sumber korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang dilayari secara atas talian. Sumber korpus DBP dipilih sebagai data kajian ini kerana mempunyai ciri-ciri menepati kebolehpercayaan yang dipetik daripada sumber-sumber ilmiah.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Nor Hashimah Jalaluddin (2014), pemberian makna seperti di Jadual 1 hanyalah bersifat permukaan sahaja dan dinamakan sebagai semantik skrip. Oleh itu, sebagai penambahbaikan daripada aspek semantik skrip ini, penerokaan pada peringkat semantik resonans diperlukan. Pada peringkat ini, Teori Relevans (TR) dan Rangka Rujuk Silang (RRS) telah diaplikasikan. Pengaplikasian TR dan RRS ini juga telah banyak dilakukan oleh pengkaji lepas seperti Nor Hashimah Jalaluddin dan Ahmad Harith Syah (2009), Ernie Zahdina Md Seruddin (2018), Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet (2020a; 2020b), Nurul Aida Abdullah dan Muhammad Zaid Daud (2020), Suzieyiana Ritos dan Muhammad Zaid Daud (2020) serta Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet (2021, 2022).

Analisis Data Simpulan Bahasa “Air Tangan”

Pada bahagian analisis ini, pengkaji akan menghuraikan SB Melayu “Lepas Tangan” berdasarkan tiga tahap iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Makna skrip bagi SB “air tangan” adalah masakan seseorang (Mohd. Tajuddin Abd. Rahman, 2017).

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Pada peringkat semantik resonans ini, gambaran kognitif terhadap SB “air tangan” dibentuk. SB ini mempunyai dua perlambangan iaitu air dan tangan.



Rajah 2 : Gambaran kognitif simpulan bahasa “air tangan”

Air merupakan sebuah senyawa kimia yang terdiri dari dua unsur, iaitu unsur H₂ (hidrogen) yang mempunyai unsur O₂ (oksigen) yang kemudian menghasilkan senyawa air (H₂O). Manakala, tangan merupakan bahagian anggota tubuh dari siku sampai ke hujung jari; bahagian anggota tubuh daripada pergelangan tangan sampai ke hujung jari. Menurut Mohd. Tajuddin Abd. Rahman (2017), SB air tangan membawa maksud masakan seseorang.

SB ini dapat dikelaskan dalam tema perangai, sikap dan perbuatan. Simpulan ini dikelaskan di dalam tema ini kerana memasak merupakan satu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang dalam menghasilkan sesuatu masakan.

Seterusnya, pembuktian linguistik mengenai penggunaan SB dapat diperoleh daripada Pangkalan Data Korpus DBP. Di sini, pendekatan RRS diaplikasikan.

Jika tidak sempat menjamah masakan di rumah itu, Azalina akan membungkusnya kerana baginya, *****air tangan***** ibu memberikan keberkatan untuk beliau menempuh hari yang mendatang. !

(Sumber: Zizou bawa kembali sinaran. Sukan, 2005)

Bagi ayat ini terdapat dua maklumat tambahan bagi memudahkan interpretasi makna sebenar yang dihayati. Frasa seperti “menjamah masakan” dan “memberikan keberkatan” telah menjadi rujukan kepada pembaca atau pendengar bagi memahami makna sebenar SB ini. Frasa “menjamah masakan” merujuk kepada merasa makanan yang dimasak oleh ibu manakala frasa “memberikan keberkatan” memberi maksud sekiranya seseorang itu makan masakan ibunya maka dia boleh mendapat keberkatan daripada ibunya. Seterusnya, “air tangan” pula merujuk kepada masakan yang dimasak oleh ibu Azalina kepadanya. Secara langsung dapat memberikan makna perbuatan seseorang iaitu ibu menghasilkan sesuatu masakan.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Persoalan timbul oleh pendengar kenapa air? dan kenapa tangan? bagi merujuk masakan seseorang. Perkara inilah yang diperlukan pada peringkat semantik inkuisitif.

Pertama, kenapa ‘air’? Kenapa penciptaan SB ini tidak dikaitkan dengan perkara lain misalnya “ais tangan”, sedangkan ais juga merupakan sejenis cecair yang mempunyai ciri gabungan dua atom hidrogen dan satu oksigen tetapi sudah dibekukan dan dalam bentuk solid manakala air dalam bentuk cecair. Air merupakan satu bahan semula jadi yang paling penting di muka bumi ini. Dari sudut Geografinya, dapat dilihat bahawa 70% daripada isi bumi kita adalah air. Semua makhluk yang hidup di muka bumi ini memerlukan air untuk hidup. Misalnya, manusia memerlukan air untuk kegunaan perihailah solat, persiapan diri, makan, minum, memasak dan digunakan dalam pekerjaan seharian, haiwan pula menggunakan air untuk proses pembiakan malah air juga diperlukan untuk proses fotosintesis, dan juga beberapa sektor yang lain turut memerlukan air seperti sektor perindustrian, pertanian dan sebagainya. Firman Allah dalam Surah az- Zumar (39:21) yang bermaksud :

“Tidakkah Engkau memerhatikan, Bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkanNya menjadi mata air-mata air di bumi; kemudian ia menumbuhkan Dengan air itu tanaman-tanaman yang berbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar (hingga ke suatu masa Yang tertentu), selepas itu Engkau melihatmu berupa kuning; kemudian ia menjadikannya hancur bersepai? Sesungguhnya segala yang tersebut itu mengandungi peringatan yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna.” (Sumber: Zairiana. Kajian Tentang Kualiti Air Mutlak Menurut Perspektif Islam, 2011).

Berdasarkan firman Allah di atas menunjukkan bahawa Allah menurunkan ayat tersebut agar makhluknya menghargai air mutlak khususnya. Allah SWT menciptakan manusia lengkap dengan segala peraturan hidup. Apabila manusia dahaga mereka perlukan minuman, maka Allah SWT sediakan air yang diturunkan dari langit dan juga air yang mengalir dari tanah tinggi melalui sungai, laut dan perigi. Salji yang mencair sesuci embun, air embun dan juga air mata air kesemuanya air mutlak ciptaan dan kurniaan Allah. Jadi, firman ini sedikit sebanyak menunjukkan bahawa air merupakan satu bahan yang sangat penting dalam kehidupan seharian bahkan bukan sahaja untuk manusia malah untuk setiap makhluk Allah yang hidup di muka bumi ini iaitu kepada tumbuhan dan haiwan.

Tangan merupakan bahagian anggota tubuh dari siku sampai ke hujung jari; bahagian anggota tubuh daripada pergelangan tangan sampai ke hujung jari. Persoalannya kenapa SB ini menggunakan tangan? Kenapa tidak hanya menggunakan kuku sahaja ataupun jari ataupun bahagian anggota badan yang lain misalnya kaki, mulut, muka, kepala dan sebagainya. Konsep tangan ialah bahagian anggota tubuh dari siku sampai ke hujung jari, jadi tangan ini telah merangkumi jari dan kuku. Kenapa tidak menggunakan anggota badan yang lain kerana tangan merupakan anggota badan yang banyak digunakan untuk melakukan aktiviti seharian. Jika tiada tangan misalnya orang yang cacat dari segi kehilangan tangan iaitu kudung sudah pasti mengalami kesulitan untuk menjalankan aktiviti seharian seperti manusia biasa yang lain. Malah dalam konteks SB “air tangan” ini telah merujuk bahawa hasil makanan yang dimasak oleh seseorang tersebut dan berdasarkan contoh ayat yang diambil daripada pangkalan Data Korpus DBP di atas, “air tangan” ini merujuk kepada hasil masakan oleh ibu Azlina.

Berdasarkan pengetahuan kognitif, setiap “air tangan” seseorang adalah berbeza dan mempunyai keistimewaan masing-masing. Hal ini dapat dibuktikan lagi bahawa, setiap tangan kanan manusia mengandungi tiga jenis enzim yang boleh membantu proses penghadaman. Salah satu enzim tersebut ialah RNase yang terdapat pada tiga jari iaitu ibu jari, jari telunjuk dan jari tengah. Apabila kita menyuap makanan ke dalam mulut, enzim ini akan berfungsi melawan bakteria tidak baik pada makanan seterusnya menjadikan tubuh kita lebih kuat. Enzim RNase juga berfungsi untuk meningkatkan kekebalan tubuh kita terhadap serangan bakteria patogen. Berbeza dengan tangan kiri, enzim yang dikeluarkan lebih banyak maka tangan kiri lebih sesuai untuk beristinja. (Hamidi Is, 2019).

Firman Allah SWT dalam surah al-Qiyamah ayat 3-4: yang bermaksud “Patutkah manusia menyangka bahawa Kami tidak akan dapat mengumpulkan tulang-tulangannya? Bukan sebagaimana yang disangka itu, bahkan Kami berkuasa menyusun jarinya”. Rahsia ungkapan tentang jari, iaitu cap jari manusia tidak dirungkaikan melainkan selepas 1000 tahun turunnya al-Quran. Kajian tersebut menunjukkan setiap cap jari adalah sesuatu yang spesifik bagi setiap manusia, iaitu bentuknya adalah berbeza antara seseorang individu dengan individu lain (Ibrahim Mohamed Akhiruddin, Mohd Yusoff Mohd Yakub@Zulkifli, & Abdul Aziz Azniwati, 2012).

Kajian ini telah membuktikan bahawa cap jari setiap manusia adalah berbeza. Jadi, pembuktian saintifik ini dapat dikaitkan dengan SB “air tangan” di mana apabila seseorang itu memasak, secara langsung akan menggunakan tangan dan sudah tentu semasa penghasilan makanan itu akan menggunakan tangan. Perkataan air di dalam SB ini dapat dikaitkan dengan enzim di mana semasa memasak, akan ada proses memotong, membasuh bahan makanan yang dimasak dan secara tidak langsung air akan mengalir bersama enzim-enzim yang ada pada tangan manusia ke dalam bahan masakan yang hendak dimasak.

Kemudian, enzim-enzim pada tangan manusia ini akan memberi keistimewaan kepada masakan yang dihasilkannya. Bahkan, masakan seseorang itu tidak akan sama rasanya dengan masakan orang lain waima resipi dan cara masakan yang digunakan adalah sama. Walaupun enzim RNase merupakan enzim yang sama terdapat pada setiap ibu jari pada tapak tangan manusia tetapi terdapat perbezaan yang boleh membezakan hasil masakan seseorang dengan orang lain. Misalnya, seorang anak boleh membezakan hasil masakan ibunya dengan hasil masakan orang lain seperti adiknya, isteri, abang dan sebagainya.

Oleh hal yang demikian, penggunaan perkataan “air” dan “tangan” amat sesuai dalam SB “air tangan” kerana enzim-enzim daripada setiap tangan manusia itu akan menyebabkan rasa masakan seseorang itu berbeza antara satu sama yang lain.

Analisis Data Simpulan Bahasa “Ringan Tangan”

Pada bahagian analisis ini, pengkaji akan menghuraikan SB Melayu “Ringan Tangan” berdasarkan tiga tahap iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Makna skrip bagi SB “ringan tangan” adalah suka membantu orang (Mohd. Tajuddin Abd. Rahman, 2017).

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Pada peringkat semantik resonans ini, gambaran kognitif terhadap SB “ringan tangan” dibentuk (rujuk Rajah 3). SB ini mempunyai dua perlambangan iaitu ringan dan tangan.




Rajah 3: Gambaran kognitif simpulan bahasa “ringan tangan”

Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), ringan merupakan tidak berat, enteng: kayu~; bungkusn yg~ diangkat dengan sebelah tangan; dan senang dilakukan atau dijalankan. Sebaliknya, tangan pula membawa makna bahagian anggota tubuh dari siku sampai ke hujung jari: bahagian anggota tubuh daripada pergelangan tangan sampai ke hujung jari. Kedua-dua leksikal ini seandainya bergabung akan membentuk SB iaitu ringan tangan. SB ringan tangan ini membawa maksud suka membantu orang.

Menurut Mohd. Tajuddin Abd. Rahman (2017), simpulan bahasa ini dapat dikelaskan dalam tema perangai, sikap dan perbuatan. Simpulan bahasa ini dikelaskan dalam tema ini kerana perkara ini jelas menunjukkan kepada sifat yang dimiliki oleh seseorang dan merupakan perkara yang dilakukan yang melibatkan perbuatan suka menolong orang dengan ikhlas.

Seterusnya, RRS diaplikasikan berpandukan data korpus yang diperoleh daripada Mohd Rumaizzudin Ghazali (2001).

Ia tidak berasa bakhil, malah *****ringan tangan***** untuk menderma, sentiasa membuat amal jariah dan menolong kaum lemah dan miskin



(Sumber: Mohd Rumaizzudin Ghazali. Membelajakan harta untuk faedah umat islam. Agama, 2001)

Berdasarkan ayat tersebut, terdapat tiga frasa sebagai maklumat tambahan bagi memudahkan interpretasi makna sebenar yang hendak disampaikan kepada pembaca atau pendengar. Antara frasa berikut adalah “menderma”, “membuat amal jariah” dan “menolong kaum lemah dan miskin” telah menjadi rujukan kepada pembaca atau pendengar bagi memahami makna sebenar yang terkandung dalam SB ini. Perkataan “menderma” bermaksud seseorang yang disebut dalam petikan ayat tersebut menghulurkan apa-apa perkara tidak kiralah sumbangan yang berbentuk wang, barangan, makanan dan lain-lain dan perkataan ini jelas mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan SB ringan tangan dalam menghulurkan bantuan mahupun sumbangan.

Manakala frasa “membuat amal jariah” dalam petikan ayat tersebut juga membawa maksud seseorang itu ikhlas dan sedia untuk melakukan perbuatan dan perkara yang boleh membantu dan meringankan beban orang lain tanpa mengharap apa-apa balasan. Akhir sekali, frasa “menolong kaum lemah dan miskin” menunjukkan bahawa sikap seseorang dalam petikan ayat tersebut yang suka membantu orang yang memerlukan bantuan. Oleh sebab itu, jelaslah bahawa data korpus yang diperolehi ini boleh membantu pembaca dan pendengar memahami makna yang hendak disampaikan melalui SB ini dengan mengemukakan maklumat tambahan tersebut.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pada peringkat semantik inkuisitif ini, terdapat banyak persoalan yang timbul terhadap leksikal-leksikal yang digunakan bagi menghasilkan SB ringan tangan ini. Kenapa ringan? Kenapa tangan? Dalam peringkat ini, pengkaji akan menghuraikan dengan lebih jelas dan mendalam terhadap persoalan yang timbul mengenai SB ini.

Kenapa ringan? dan kenapa tidak “berat tangan”, “daya tangan”, “mudah tangan” dan “senang tangan”? Berdasarkan definisi ringan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) yang telah dibincangkan di atas, ringan membawa maksud tidak berat dan senang dilakukan atau dijalankan. Leksikal ringan ini seandainya dilihat lebih saintifik lagi, berdasarkan Norfazila Ab. Hamid (2014) yang bertajuk “Peluasan semantik kata sifat ringan: Satu analisis model jaringan Langacker (1998) menyatakan bahawa perkataan ringan merupakan kata sifat yang tergolong dalam Kata Sifat Ukuran. Perkataan ringan ini sangat berkait rapat dengan ukuran kuantiti sesuatu benda. Walaupun kata ringan ini berkait rapat dengan kuantiti tetapi ringan juga telah mengalami peluasan makna iaitu dengan memberi maksud abstrak. Namun hal yang demikian, perkataan ringan ini juga ini bukan sahaja boleh melihat kepada ukuran kuantiti sahaja namun boleh juga dilihat untuk menyatakan kerajinan seseorang dalam melakukan kerja seharian.

Oleh itu, berdasarkan kajian yang telah dibincangkan di atas menunjukkan bahawa perkataan ringan ini lebih memperlihatkan kepada sesuatu perkara yang mudah dibawa dan tidak sukar untuk melakukannya atau menjejarkannya. Penggunaan kata ringan ini dikaitkan dalam SB ringan tangan dan bukannya berat tangan, daya

tangan dan lain-lain kerana kata ringan yang digunakan memiliki ciri-ciri keistimewaan yang tersendiri iaitu sesuatu sifat yang mudah dibawa, dilakukan dan tidak berat serta tidak sukar. Sekiranya penggunaan kata daya tangan yang digunakan dalam simpulan bahasa tersebut kerana perkataan daya tidak jelas penyampaian dari segi makna kerana lekiskal daya boleh berdiri sebagai daya berat, ringan, dan daya tahan. Analisis kata sifat ringan ini memperlihatkan bahawa peluasan makna berlaku secara sistematik berdasarkan ayat dan konteks penggunaan (Norfazila Ab. Hamid, 2014). Maka kata ringan ini sangat berkait rapat penggunaannya dalam simpulan bahasa bagi menunjukkan perkara yang tidak berat, enteng dan mudah untuk dilakukan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005) dengan sifat suka membantu orang lain.

Seterusnya, kenapa tangan? Kenapa tidak anggota badan lain seperti “ringan kaki”, “ringan jari”, dan “ringan perut?”. Tangan merupakan salah satu anggota badan yang penting bagi manusia dalam menjalankan kehidupan seharian kerana tangan mempunyai banyak fungsi dalam melakukan sesuatu pekerjaan seperti menulis, melukis, menaip, makan dan lain-lain. Tangan turut merupakan salah satu anggota badan yang paling mulia kerana melalui tangan, banyak perkara yang boleh dilakukan termasuklah dalam melakukan kebaikan seperti bersedekah dan membantu orang lain.

Simpulan bahasa ini tidak menggunakan anggota badan lain iaitu ringan kaki kerana kebanyakan simpulan bahasa yang menggunakan imej perlambangan “kaki” yang merujuk kepada orang yang suka melakukan sesuatu atau yang terlalu gemar akan sesuatu (Kamus Pelajar Edisi Keempat, 2015). Jika berdasarkan pemikiran kognitif dan akad budi, sangat relevan untuk menggunakan tangan sebagai anggota badan pilihan dalam simpulan bahasa ini kerana kemuliaan yang terdapat pada tangan dalam melakukan kebaikan. Dalam konteks masyarakat secara umum, sekiranya kita memberikan sesuatu atau menghulurkan sesuatu dengan menggunakan anggota kaki maka perkara tersebut akan dianggap sebagai perbuatan yang tidak beradab dan tidak sopan. Oleh itu, leksikal penggunaan tangan sering dikaitkan dengan perbuatan seseorang terhadap sesuatu perkara yang dilakukan dan dalam agama Islam juga ada menyentuh bahagian anggota badan tangan ini. Salah satu daripada hadis riwayat Imam Muslim yang menyatakan bahawa :

“Rasulullah menyebutkan bahwa siapa saja yang bersedekah secara sembunyi-sembunyi-ibarat tangan kiri tak mengetahui apa yang dilakukan tangan kanan- maka ia termasuk salah satu di dalamnya.
(Sumber: Cholis Akbar, 2015)

Hadis berikut jelas menunjukkan bahawa anggota tangan merupakan bahagian yang mempunyai fungsi dalam melakukan sedekah dan secara langsung perkara memberikan konteks membantu dan memberikan sumbangan kepada orang yang memerlukan. Hadis ini menyatakan bahawa seandainya seseorang itu bersedekah maka sedekah tersebut hendaklah disembunyikan sehingga tangan kiri tidak mengetahuinya dan tidak dihebohkan kepada orang lain kerana boleh menyebabkan seseorang itu ‘riya’ kerana sedekah yang dilakukan bukan kerana keikhlasan hati malah merujuk kepada sifat ingin menunjuk-nunjuk. Selain itu, penggunaan anggota badan tangan juga ada disebut dalam sabda Rasulullah S.A.W berdasarkan Muslim, Imarah no.1827:

“Sesungguhnya orang-orang yang berbuat adil di sisi Allah akan berada di atas mimbar-mimbar yang terbuat dari cahaya, berada di sebelah knaan Ar-Rahman ‘Azza wa Jalla dan kedua tangan-Nya adalah tangan kanan iaitu mereka yang berbuat adil ketika menetapkan putusan hukum, dan adil terhadap pengikut dan rakyatnya”

(Sumber: Muhyiddin Ibn Al-Arabi. Al- Futuhat Al Makiyyah, 2017)

Hadis di atas menunjukkan bahawa tingginya kemuliaan yang terletak pada anggota tangan sehingga merujuk kepada perkara atau perbuatan orang-orang yang adil di sisi Allah. Maka, kajian semantik inkuisitif terhadap simpulan bahasa ringan tangan sangat relevan menggunakan anggota tangan bagi menunjukkan sifat, sikap dan perbuatan seseorang yang suka membantu orang lain dan mempunyai ciri-ciri yang positif. Hal ini demikian kerana segala perilaku atau perbuatan semestinya kerap menggunakan anggota tangan seperti mudah untuk bersedekah, menghulurkan bantuan dan sumbangan kepada orang yang memerlukan. Dapat dirumuskan bahawa proses penciptaan simpulan bahasa ringan tangan ini lebih melihat kepada data, kognisi serta akal budi masyarakat atau penutur.

Analisis Data Simpulan Bahasa “Lepas Tangan”


Pada bahagian analisis ini, pengkaji akan menghuraikan simpulan bahasa Melayu “Lepas Tangan” berdasarkan tiga tahap iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Makna skrip bagi simpulan bahasa “lepas tangan” adalah tidak bertanggungjawab atas sesuatu yang telah dilakukan (Mohd. Tajuddin Abd. Rahman, 2017).

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Pada peringkat semantik resonans ini, gambaran kognitif terhadap simpulan bahasa “lepas tangan” dibentuk (rujuk Rajah 4). Simpulan bahasa ini mempunyai dua perlambangan iaitu lepas dan tangan.



Rajah 4: Gambaran kognitif simpulan bahasa “lepas tangan”

Lepas merupakan bebas daripada ikatan atau tahanan, tidak bersangkut paut atau tidak bertalian lagi. Selain itu, lepas juga membawa makna sudah terjadi atau sudah berlaku. Lepas juga bermaksud sesudah selesai; sehabis sehabis (*Kamus Pelajar Edisi Kedua*, 2015). Manakala, tangan merupakan bahagian anggota tubuh badan dari siku

sampai ke hujung jari. Kedua-dua leksikal ini juga bergabung membentuk SB iaitu lepas tangan. Menurut Kamus Peribahasa dan Simpulan Bahasa Melayu, lepas tangan membawa maksud tidak bertanggungjawab atas sesuatu yang telah dilakukan. SB ini dapat dikelaskan dalam tema perangai, sikap dan perbuatan menurut Mohd Tajuddin Hj. Abd Rahman (2017). SB ini dikelaskan dalam tema ini kerana lepas tangan merupakan perangai dan sikap yang ada dalam diri seseorang ditunjukkan melalui perbuatan yang tidak bertanggungjawab atas sesuatu yang telah dilakukan.

Seterusnya, pembuktian linguistik mengenai penggunaan SB dapat diperoleh daripada Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa Pustaka.

Dalam sidang akhbaranya pula, Abdullah mengarahkan semua jabatan dan agensi kerajaan memantau rapi pelaksanaan sesuatu projek selepas tender dikeluarkan, bukan *****lepas tangan***** yang akhirnya menyebabkan projek terbengkalai sehingga kerajaan kerugian berjuta-juta ringgit.

(Sumber: Kadir Dikoh; Mohd Feroz Abu Bakar. ~~Agensi kerajaan masih tak cekap~~. Nasional, 2005)

Bagi ayat ini terdapat tiga maklumat tambahan bagi memudahkan interpretasi makna sebenar yang dihayati. Frasa seperti “memantau rapi pelaksanaan sesuatu projek”, “projek terbengkalai” dan “kerajaan kerugian berjuta-juta ringgit” telah menjadi rujukan kepada pembaca dan juga pendengar memahami makna sebenar SB ini. Frasa “memantau rapi pelaksanaan sesuatu projek” merujuk kepada perbuatan yang dilakukan oleh semua jabatan dan juga agensi kerajaan yang bertanggungjawab memantau rapi pelaksanaan sesuatu tender.

Manakala, frasa “projek terbengkalai” merujuk kepada perbuatan yang tidak bertanggungjawab atas perbuatan sesetengah jabatan dan agensi kerajaan yang mengamalkan prinsip lepas tangan. Selain itu, frasa “kerajaan kerugian berjuta-juta ringgit” menunjukkan kesan kepada sikap, perangai dan perbuatan sesetengah jabatan dan agensi kerajaan yang merujuk kepada isi perbualan yang telah menyentuh kepada SB, lepas tangan.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pada analisis tahap 3 iaitu semantik inkuisitif, banyak persoalan yang timbul terhadap leksikal-leksikal yang digunakan bagi menghasilkan SB lepas tangan. Kenapa “lepas”? Kenapa “tangan”? Dalam peringkat ini, pengkaji akan menjelaskan dengan lebih jelas dan mendalam terhadap persoalan yang timbul mengenai SB ini.

Kenapa lepas? dan kenapa tidak “putus tangan”, “sebelum tangan” dan “ambil tangan”? Berdasarkan definisi “lepas” dalam Kamus Pelajar Edisi Kedua (2015) yang telah dibincangkan di atas, lepas membawa maksud seseorang bebas daripada ikatan atau tahanan dan juga membawa makna tidak bersangkut paut atau tidak bertalian lagi. Selain itu, lepas juga bermaksud perkara atau peristiwa yang sudah terjadi atau sudah berlaku. Lepas juga memberi maksud sesudah selesai atau sehabis.

Walau bagaimanapun, dalam konteks masyarakat Islam, talak yang merupakan perkataan Arab membawa maksud melepaskan atau membuka ikatan. Talak dari segi syarak ialah melepaskan ikatan perkahwinan dengan perkataan yang jelas atau kinayah iaitu sindiran (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan). Dalam kitab

Hashiah I' anat al-Talibin, juz 4, hlm 13 ada menyebutkan perkataan 'lepas' iaitu:

Maksudnya: "Talaq jatuh dengan lafaz sorih; iaitu sesuatu lafaz yang pada zahirnya tidak membawa maksud lain selain talaq seperti lafaz "mushtaq" talaq sekalipun ia diucapkan oleh orang bukan Arab yang mengetahui bahawa lafaz tersebut berkaitan dengan meleraikan ikatan perkahwinan atau ia mengetahui lafaz tersebut adalah mengenai memisahkan dia daripada isterinya sekalipun ia tidak mengetahui maksud sebenar lafaz tersebut, sebagaimana yang difatwakan oleh sheikh kami. Begitu juga lafaz "mushtaq" firaq (cerai) dan saraah (lepas) kerana ia disebut berulang-ulang di dalam Al-Qur'an seperti suami berkata "aku talaqkan engkau", "aku ceraikan engkau" , "aku lepaskan engkau atau isteriku" dan seperti suami berkata "engkau tertalaq" , "engkau ditalaqqan" , "engkau diceraikan" dan "engkau dilepaskan". Adapun kata-kata terbitan (masdar) seperti suami berkata "engkau talaq" atau "engkau cerai" dan "engkau lepas" adalah lafaz kinayah.

(Sumber: Syafiq Olbu, 2012)

Dalam kitab Hashiah I' anat al-Talibin di atas menunjukkan bahawa perkataan talaq bersinonim dengan lepas yang menunjukkan perbuatan lelaki melepaskan tanggungjawabnya sebagai seorang suami dalam ikatan perkahwinan yang dibinanya bersama isteri. Penggunaan frasa "engkau ditalaqqan" dan "engkau dilepaskan" menunjukkan makna yang sama iaitu melepaskan ikatan antara suami dan juga isteri. Maka kata lepas ini sangat berkait rapat penggunaannya dalam SB bagi menunjukkan perbuatan yang bebas daripada ikatan atau tahanan; tidak bersangkut.

Seterusnya, kenapa tangan? Kenapa tidak anggota badan lain seperti "lepas kaki", "lepas kepala", dan "lepas mata"? Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), tangan merujuk kepada bahagian anggota tubuh dari siku sampai ke hujung jari: bahagian anggota tubuh daripada pergelangan tangan sampai ke hujung jari. Tangan merupakan salah satu anggota badan yang penting dalam manusia untuk menjalankan aktiviti dan juga kehidupan seharian. Hal ini demikian kerana, tangan mempunyai banyak fungsi untuk menyempurnakan aktiviti seharian seperti memasak, membuat tugas, makan, minum dan banyak lagi. SB ini tidak menggunakan anggota badan lain iaitu "lepas mulut", "lepas kepala", dan "lepas mata" kerana tangan merupakan kekuatan dalam melakukan sesuatu perkara. Selain itu, tangan kanan dan tangan kiri mempunyai fungsi yang berbeza menurut masyarakat Islam. Imam Nawawi menyimpulkan satu kaedah iaitu:

"Perkara yang berkaitan kemuliaan dan kehormatan seperti pakai baju, seluar, khuf, masuk masjid, bersiwak, bercelak, potong kuku, kerat misai, sikat rambut, cabut bulu ketiak, cukur kepala, memberi salam selesai solat, basuh anggota bersuci, keluar tandas, makan minum, bersalaman, menyapu hajar aswad, dan lain2 sunat didahului dengan tangan kanan. Manakala sebaliknya seperti masuk tandas, keluar masjid, istinja, buka pakaian, seluar, khuf dan lain2 maka dimulakan dengan kiri. Semuanya kerana kemuliaan kanan."

(Sumber: Hadis Riwayat Muslim)

Menurut Syaikh Salim al-Hilali pula "Tangan kiri tidak dipergunakan kecuali dalam perkara-perkara yang menjijikkan dan perbuatan-perbuatan yang tidak mengandungi unsur kemuliaan". Tangan kanan berfungsi melakukan perkara yang berkaitan dengan kemuliaan manakala tangan kiri berfungsi melakukan perkara yang menjijikkan dan perbuatan yang tidak mengandungi fungsi kemuliaan. Berdasarkan Hadis Riwayat Abu Daud, "Adalah tangan kanan Rasulullah untuk bersuci dan makan. Dan tangan kirinya untuk urusan tandas dan apa-apa

yang kotor”, juga membuktikan bahawa fungsi tangan dan kiri dalam melakukan aktiviti seharian adalah berbeza menurut masyarakat Islam. Penggunaan kata tangan ini dikaitkan dalam SB lepas tangan dan bukannya “lepas mulut”, “lepas kepala”, dan “lepas mata” dan lain-lain kerana kata lepas yang digunakan fungsinya menurut masyarakat Islam merujuk kepada perkara-perkara yang menjijikkan dan perbuatan-perbuatan yang tidak mengandungi unsur kemulian. Oleh itu, SB lepas tangan ini memiliki ciri-ciri keistimewaan yang tersendiri iaitu merupakan sikap, perangai dan juga perbuatan yang dilakukan oleh seseorang manusia.

Analisis Data Simpulan Bahasa “Panjang Tangan”

Pada bahagian analisis ini, pengkaji akan menghuraikan SB Melayu ‘Panjang Tangan’ berdasarkan tiga tahap analisis iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Makna skrip bagi SB “panjang tangan” adalah orang yang suka mencuri (Mohd. Tajuddin Abd. Rahman, 2017).

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Pada peringkat semantik resonans ini, gambaran kognitif terhadap SB “panjang tangan” dibentuk (rujuk Rajah 5). SB ini mempunyai dua perlambangan iaitu panjang dan tangan.



Rajah 5: Gambaran kognitif simpulan bahasa “panjang tangan”

Panjang bermaksud banyak ukurannya dari hujung ke pangkal; jauh jaraknya; tidak pendek, banyak masanya atau tempohnya; tidak sekejap; lama dan jarak atau ukuran dari hujung ke pangkal; jauh di antara dua sempadan. Manakala tangan pula membawa erti bahagian anggota tubuh dari siku sampai ke hujung jari; bahagian anggota tubuh daripada pergelangan tangan sampai ke hujung jari. Apabila kedua-dua leksikal ini digabungkan maka terbentuk satu SB iaitu “panjang tangan” yang membawa maksud orang yang suka mencuri. SB ini

dikategorikan di dalam tema perbuatan dan perlakuan. Hal ini demikian kerana mencuri merupakan sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang dengan mengambil hak orang lain tanpa kebenarannya. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Perbuatan mencuri ini juga merupakan satu perbuatan atau perlakuan yang negatif ataupun tidak baik serta dilarang dalam setiap agama.

Seterusnya, pembuktian linguistik mengenai penggunaan SB dapat diperoleh daripada Pangkalan Data Korpus DBP.

Dari arah rumah Haji Basir jelas kedengaran bunyi letupan senapang kertus jantan. Apa pula yang ditembak oleh

Haji Basir di tengah malam itu. Entah keluang entah kubung. Boleh jadi Haji Basir menyekat pencuri yang sekali

sekala mengagak-agak hendak mencekup getah tersidai di bawah rumah. Mungkin tidak ada pencuri berani

panjang tangan lagi. Sudah lama benar sohnya Kampung Cempaka tidak heboh pasal pencuri sejak anak

Kulub Berahim yang bernama Ali Jobeng masuk penjara lepas memecah kedai Husin Pendek di tengah kampung.

(Sumber: Fahmi Kassim. Bertongkat Paruh. Sastera, 1984)

Ayat yang dipetik daripada penulisan Fahmi Kassim (1984) dalam karyanya yang bertajuk Bertongkat Putih, terdapat lima frasa yang dapat dijadikan sebagai maklumat tambahan untuk menggambarkan makna sebenar bagi SB “panjang tangan”. Frasa seperti menyekat pencuri, mengagak-agak hendak mencekup getah tersidai di bawah rumah, tidak ada pencuri berani panjang tangan lagi, tidak heboh pasal pencuri dan masuk penjara lepas memecah kedai Husin Pendek telah menjadi rujukan kepada pembaca atau pendengar berkaitan dengan makna sebenar SB “panjang tangan” ini. Oleh itu, SB “panjang tangan” dalam ayat tersebut telah merujuk kepada sikap pencuri yang sering mencuri barang orang kampung di Kampung Cempaka tersebut.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Persoalan yang timbul berkenaan dengan SB ini ialah kenapa menggunakan leksikal panjang dan tangan? Kenapa tidak pendek, tinggi, ataupun rendah? Dari segi definisi nya, tinggi diertikan sebagai jauh jaraknya dari bawah ke atas, berada pada peringkat atas, mulia dan menjadi kuat dan nyaring sebaliknya rendah pula bermaksud tidak jauh jaraknya dari bawah ke atas; tidak tinggi dan tidak nyaring. Manakala pendek didefinisikan sebagai tidak panjang, rendah, ringkas, tidak lama atau singkat. Berdasarkan definisi bagi ketiga-tiga leksikal ini menunjukkan makna yang berbeza daripada panjang. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan perkataan “panjang” dalam SB “panjang tangan” membawa erti seseorang itu akan memanjangkan tangannya untuk mengambil hak orang lain tanpa pengetahuan si empunya barang. Penggunaan leksikal “pendek” misalnya tidak dapat digantikan dengan leksikal “panjang” dalam SB ini kerana berdasarkan definisi pendek sahaja bermaksud tidak panjang, rendah, ringkas, tidak lama atau singkat. Hal ini bermakna tangan seseorang semasa melakukan perbuatan mencuri itu tidak panjang ukurannya untuk menggapai barang yang hendak dicuri.

Selain daripada itu, Rizal Andi (2012) dalam kajiannya yang bertajuk “Kontribusi panjang lengan, kelentukan pergelangan tangan terhadap kemampuan pukulan dropshot bulu tangkis mahasiswa Fik UNM Makassar” menyatakan bahawa panjang tangan merupakan salah satu anggota tubuh yang termasuk di dalam

pengukuran antropometrik atau struktur tubuh. Di dalam kajian ini juga, beliau mendapati ketangkasan seseorang itu dalam sukan olahraga yang melibatkan tangan bergantung kepanjangan tangan seseorang tersebut. Kepanjangan tangan merupakan salah satu indikator penggerak bagi tubuh dalam melakukan segala aktiviti termasuk olahraga.

Hal ini menunjukkan bahawa seseorang yang mempunyai tangan yang panjang akan lebih tangkas, cekap atau cepat melakukan sesuatu perbuatan berbanding dengan individu yang mempunyai tangan yang pendek. Dalam kajian ini, individu yang mempunyai panjang tangan akan dapat memukul pukulan dropshot bulu tangkis dengan lebih kuat dan cekap berbanding individu yang mempunyai pendek tangan. Secara tidak langsung hal ini dapat dikaitkan dengan SB “panjang tangan” di mana perbuatan mencuri oleh seseorang individu yang dilakukan dengan tangkas dan cekap sehingga tiada siapa-siapa yang dapat mengesan perbuatan mencuri tersebut.

Seterusnya, kenapa tangan? Kenapa tidak panjang kaki? Ataupun panjang kepala atau panjang leher? Hal ini demikian kerana apabila melihat dari segi takrifan tangan, tangan membawa maksud bahagian anggota tubuh dari siku sampai ke hujung jari, jadi tangan ini telah merangkumi jari dan kuku. Kenapa tidak menggunakan anggota badan yang lain kerana tangan merupakan anggota badan yang banyak digunakan untuk melakukan aktiviti seharian. Bahkan seseorang yang melakukan perbuatan mencuri juga menggunakan tangan untuk mengambil hak orang lain tanpa kebenaran dan mereka tidak akan menggunakan kaki, kepala mahupun leher. Malah dalam firman Allah dalam Surah Al-Maidah ayat 38 yang bermaksud “Laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai seksaan dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana” juga menetapkan hukuman hudud bagi pencuri adalah dipotong tangannya dan bukannya dipotongkan kakinya atau kepalanya akibat perbuatan mencuri.

Hal ini menunjukkan bahawa perbuatan mencuri itu dikaitkan dengan tangan kerana seorang individu itu melakukan perbuatan mencuri dengan menggunakan tangan dan bukannya menggunakan bahagian anggota tubuh badan yang lain misalnya kaki, kepala ataupun leher. Oleh hal yang demikian, hukuman hudud untuk memotong tangan pencuri sememangnya berkesinambungan dengan penggunaan tangan oleh si pelaku untuk mengambil hak orang lain tanpa kebenaran.

Analisis Data Simpulan Bahasa “Buah Tangan”

Pada bahagian analisis ini, pengkaji akan menghuraikan SB Melayu “Buah Tangan” berdasarkan tiga tahap analisis iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Makna skrip bagi SB “buah tangan” menurut Mohd. Tajuddin Abd. Rahman (2017) adalah:

- a. Hasil pekerjaan seseorang b. Barang yang dibawa pulang perjalanan sebagai hadiah

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Pada peringkat semantik resonans ini, gambaran kognitif terhadap SB “buah tangan” dibentuk (rujuk Rajah 6). SB ini mempunyai dua perlambangan iaitu buah dan tangan.

Berdasarkan imej perlambangan buah merupakan bahagian tumbuh-tumbuhan yang terjadi daripada bunga atau putik dan biasanya berbiju. Manakala, tangan merupakan bahagian anggota tubuh dari siku sampai ke hujung jari; bahagian anggota tubuh daripada pergelangan tangan sampai ke hujung jari. Menurut Mohd. Tajuddin Abd. Rahman (2017), buah tangan membawa maksud hasil pekerjaan ataupun barang yang dibawa pulang dari

perjalanan sebagai hadiah.

SB ini dapat dikelaskan dalam tema perangai, sikap dan perbuatan. B ini dikelaskan di dalam tema ini kerana hasil daripada pekerjaan merujuk kepada hasil daripada usahanya sendiri bekerja dan barang dijadikan hadiah merujuk kepada perbuatan memberi yang dilakukan kepada seseorang.



Rajah 6: Gambaran kognitif simpulan bahasa “buah tangan”

Seterusnya, pembuktian linguistik mengenai penggunaan SB dapat diperoleh daripada Pangkalan Data Korpus DBP.

Penonton juga akan menerima 10 bola serta beberapa hadiah lain yang bakal menjadi *****buah tangan***** untuk mereka pulang nanti.

(Sumber: Zubairi Zabidin. Malam penentuan buat Slam. Hiburan, 1996)

Bagi ayat ini terdapat satu maklumat tambahan bagi memudahkan interpretasi makna sebenar yang dihayati. Frasa seperti “Hadiah” telah menjadi rujukan kepada pembaca atau pendengar bagi memahami makna sebenar SB ini. Frasa “Hadiah” merujuk kepada sesuatu barang yang dibawa pulang dari perjalanan sebagai hadiah manakala “buah tangan” pada ayat tersebut pula dapat difahami sebagai beberapa barang yang bakal dibawa pulang penonton sebagai hadiah. Secara langsung dapat memberikan makna sesuatu hasil dan pemberian iaitu penonton berpeluang membawa balik beberapa hadiah.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pada analisis tahap 3 iaitu semantik inkuisitif, banyak persoalan yang timbul terhadap leksikal-leksikal yang digunakan bagi menghasilkan SB buah tangan. Kenapa “buah”? Kenapa “tangan”? Dalam peringkat ini, pengkaji akan menjelaskan dengan lebih jelas dan mendalam terhadap SB ini.

Buah tangan membawa maksud hasil pekerjaan ataupun barang yang dibawa pulang dari perjalanan sebagai hadiah. Kenapa ‘buah’? Hal ini demikian kerana buah sangat sinonim dengan masyarakat Melayu pada masa dahulu. Kenapa penciptaan SB ini tidak dikaitkan dengan perkara lain misalnya “sayur tangan”, sedangkan sayur juga merupakan sejenis tumbuhan yang mempunyai ciri sama terjadi daripada bunga atau putik. Manakala tangan pula bahagian anggota tubuh dari siku sampai ke hujung jari; bahagian anggota tubuh daripada pergelangan tangan sampai ke hujung jari.

Timbul juga persoalan kenapa perkataan buah dan tangan digabungkan untuk membentuk satu SB. Kenapa perkataan buah itu tidak dikaitkan dengan anggota badan lain yang sama fungsinya dalam pergerakan seperti kaki dan jari. Masyarakat Melayu pada masa dahulu mengaitkan buah dan anggota badan untuk membentuk satu SB disebabkan oleh pengaruh agama Islam yang dianut oleh majoriti masyarakat Melayu.

Hal ini dikatakan demikian kerana di dalam agama Islam itu sendiri banyak menyebut kaitan antara tangan dan juga buah dalam menyampaikan syariat untuk memberi sedekah atau hadiah melalui hadis-hadis Rasulullah. Hal ini dapat dilihat dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah bersabda yang bermaksud:

“Demi Zat yang jiwaku ada dalam genggamannya, manusia yang bersedekah senilai dengan sebiji kurma daripada hasil yang baik (halal) dan Allah hanya menerima sedekah yang baik (halal). Maka, sesungguhnya Allah akan menerima sedekahnya dengan tangan kanan-Nya, kemudian Dia mengembangkannya bagi pemiliknya sebagaimana salah seorang daripada kamu membesarkan anak kudanya sehingga menjadi seperti (sepenuh) gunung”. (Hadis Riwayat Imam Bukhari).

(Sumber: Mohd Rizal. Sedekah membawa berkat. MyMetro, 2019).

Oleh sebab itu, hadiah yang dimaksudkan di sini ialah pemberian yang halal dan tidak mempunyai ciri-ciri kejahatan ataupun kemaksiatan di dalamnya. Dalam pandangan Islam sendiri memberi salah satu cara menyampaikan bentuk rasa cinta, sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W dalam Hadis Riwayat Al-Bukhari dalam Adabul Mufrad, Shahihul Jami’, no 3004 dan Al Irwa’, no 1601 yang bermaksud “hendaknya kalian saling memberi hadiah, nescaya kalian akan saling mencintai.”

Selain itu, masyarakat pada masa dahulu juga sering menjadikan buah sebagai hadiah kepada orang sakit. Timbul persoalan kenapa buah menjadi pilihan untuk diberikan sebagai hadiah kepada sakit. Khasiat yang terdapat pada buah dilihat menjadi sebab kenapa masyarakat Melayu sering menjadikan buah sebagai hadiah ketika melawat orang sakit.

Menurut data portal My Health yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, berikut merupakan ketetapan bagi merujuk kepada jenis-jenis buah berserta khasiatnya.

Jadual 2: Jenis buah dan khasiatnya

Jenis Buah	Khasiat
Pisang	Anti kemurungan (membantu memperbaiki mood dan tidur), antioksidan, mengawal tekanan darah, meningkatkan daya tumpuan, menguatkan ingatan, meningkatkan tenaga, menjaga kesihatan jantung, mengurangkan risiko kanser dan melegakan cirit birit serta sembelit.
Jambu Batu	Anti Oksidan dan Anti Kencing Manis
Mangga	Anti Kanser, menjaga kesihatan penglihatan, membantu penghadaman, menjaga kesihatan kulit, membantu memperbaiki kesihatan seksual, menambahkan berat badan, menguatkan daya ingatan, berfaedah untuk anemia dan mencegah darah panas.
Durian	Anti oksidan, anti penuaan dan anti keradangan
Belanda	

Secara saintifiknya, khasiat yang terdapat pada buah-buahan dilihat menjadi justifikasi buah menjadi hadiah ketika melawat orang sakit pada zaman dahulu dan tangan dalam konteks ini dikaitkan tangan yang memberi hadiah. Oleh itu perkara ini menyebabkan terjadinya SB buah tangan yang menjadi membawa makna hadiah dalam masyarakat Melayu pada zaman dahulu.

KESIMPULAN

Tuntasnya, wujud pelbagai imej perlambangan anggota badan iaitu tangan yang digunakan dalam SB Melayu seperti air tangan, panjang tangan, ringan tangan, lepas tangan, buah tangan dan lain-lain. Pengkajian terhadap bidang semantik inkuisitif terhadap SB Melayu ini telah memberi pengetahuan yang lebih mendalam kerana mengambil kira data, kognisi dan akal budi yang melibatkan tiga peringkat iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Kajian ini telah memperlihatkan pemilihan leksikal yang digunakan mempunyai makna yang mendalam bagi mewujudkan perkaitan leksikal dan maksud tersirat SB tersebut.

Disebabkan banyak wujudnya SB Melayu, pengkaji berharap kajian ini dapat diteruskan lagi oleh pengkaji pada masa akan datang kerana kajian semantik ini boleh membuka minda dan pemikiran masyarakat bagi sesuatu perkara. Oleh itu, kajian ini diharap dapat dijadikan rujukan dan membantu para pembaca serta pengkaji bagi memperoleh maklumat berkaitan dengan semantik inkuisitif bagi SB.

RUJUKAN

- Asy-Syaikh Al-Akbar Muhyiddin Ibn Al-‘Arabi. (2017). *Al-Futuh al-Makkiyah* (Harun Nur Rosyid, Trans.). Yogyakarta: Darul Fatuhat.
- Balveen Kaur, & Mary Fatimah Subet. (2019). Ironi dalam bahasa kiasan Punjabi: Analisis semantik inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 2(1), 1-7.
- Cholis Akbar. (2015, January 23). Sembunyi amalan, hingga tangan kiri tak tahu yang dilakukan tangan kanan [Web log post]. Retrieved from <https://www.hidayatullah.com/kajian/gaya-hidup->

muslim/read/2015/01/23/37176/sembunyikan-amalan-hingga-tangan-kiri-tak-tahu-yang-dilakukan-tangan-kanan.html

- Ernie Zahdina Md Seruddin. (2018). Analisis rangka rujuk silang dalam pantang larang Suku Kedayan di Brunei: Fokus kepada aspek kehamilan dan bersalin. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(2), 17-27.
- Flysh Geost. (2018, May 28). Apa itu air? pengertian, fungsi, sumber dan manfaatnya [Web log post]. Retrieved from <https://www.geologinesia.com/2018/05/apa-itu-air.html>
- Hamidi Is. (2019, April 10). Sains membuktikan kebaikan makan dengan tangan kanan [Web log post]. Retrieved from <http://www.sentiasapanas.com/2019/10/kebaikan-makan-dengan-tangan-kanan.html#axzz6e7Knrp8u>
- Ibrahim Mohamed Akhiruddin, Mohd Yusoff Mohd Yakub@Zulkifli, & Abdul Aziz Azniwati. (2012). *Kemukjizatan biologi dalam al- Quran dari perspektif sains: Satu tinjauan*. Paper presented at 2nd Annual International Quranic Conference. Centre of Quranic Research, Kuala Lumpur.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan. (2005). Talak [Web log post]. Retrieved from <http://kelantan.jksm.gov.my/jksnk/v2/index.php/ms/2-uncategorised/156-talak>
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Edisi Kedua*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mary Fatimah Subet, & Mohd Ridzuan Md Nasir. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2016). “Giler” atau “Gile”: Slanga kata penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293-306.
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2017, August). *Semantik dan makna konotasi dalam slang pelacur*. Paper presented at The International Conference on Language Studies 2017, Kuching (Riverside Majestic Hotel), Malaysia.
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2018). Makna denotatif dan konotatif dalam slang pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 29-49.
- Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, & Muhammad Zaid Daud. (2019). Individu dan pemilihan dialek: Kajian kes di Kota Samarahan, Sarawak. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 11-21.
- Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad, & Muhammad Zaid Daud. (2018). Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel sastera Indie: Karya Anwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 106-121.
- Mohd. Tajuddin Abd. Rahman. (2017). *Kamus peribahasa Melayu edisi kelima*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019a). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019b). “Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik”: Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019c, October). *Elemen perlambangan unggas dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Poster session presented at Hari Terbuka Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019d). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 108-136.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2021). Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang mempertalikan politik tempatan: Analisis pragmatik. *Issues in Language Studies*, 10(1).
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2022). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, 40(1).
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, & Remmy Gedat. (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11(1), 87-105.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, & Remmy Gedat. (2018). Penggunaan eufemisme dalam kalangan penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 8(1), 27-40.
- Muhammad Zaid Daud, Nurfatin Hanani Wahap, & Muhammad Nurikhwan Lokman. (2018). Analisis semiotik peribahasa Banjar bersumberkan ular (serpentes). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2), 1-7.
- Muhammad Zaid Daud. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif* (FYP thesis). Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhammad Zaid Daud. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Muhammad Zaid Daud. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Muhammad Zaid Daud. (2018c). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slang. *MALTESAS MultiDisciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43-52.
- Muhammad Zaid Daud. (2018d). Imej tumbuhan dalam slang: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 4(1), 1-21.
- Muhammad Zaid Daud. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif* (Unpublished master's thesis). Universiti Malaysia Sarawak.
- Nik Asrulnizam Mustapha. (2009). *Rohana binti Wahab lwn Syed Mohd. Abduh bin Syed Abu Bakar*. Retrieved from Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, Selangor website: <https://www.jakess.gov.my/pdf/KoleksiPenghakimanMRS/Rohana%20lwn%20Syed%20Mohd%20Abduh.pdf>
- Nor Hashimah Jalaluddin, & Ahmad Harith Syah. (2009). Penelitian makna imbuhan pen- dalam bahasa Melayu: Satu kajian rangka rujuk silang. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 9(2).
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Norfazila Ab. Hamid. (2014). Peluasan semantik kata sifat ringan: Satu analisis model jaringan Langacker (1988). *Jurnal Melayu*, 13(1), 61-71.
- Nurul Aida Abdullah, & Muhammad Zaid Daud. (2020). Pemaknaan semula sinonim leksikal “nepotisme” berteraskan data korpus: Analisis pragmatik. *LSP International Journal*, 7(1), 61-79.
- Rizal Andi. (2012). Kontribusi panjang lengan, kelentukan pergelangan tangan terhadap kemampuan pukulan dropshot bulu tangkis mahasiswa Fik UNM Makassar. *Jurnal Penelitian Pendidikan: Pendidikan Jasmani Kesehatan & Rekreasi*, 3(1), 26-38.

- Safitra, K. (2018). Hukum menerima hadiah dalam Islam [Web log post]. Retrieved from <https://dalamlislam.com/hukum-islam/hukum-menerima-hadiah-dalam-islam>
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Srikandi Saemah Samaon, & Mary Fatimah Subet. (2020). Perwatakan dalam novel KOMSAS “Di Sebalik Dinara”: Analisis teori relevan. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 84-100.
- Srikandi Saemah Samaon, & Mary Fatimah Subet. (2020). Teori relevans dalam pembelajaran KOMSAS. *Borneo International Journal eISSN 2636-9826*, 2(4), 47-54.
- Suzieyiana Ritos, & Muhammad Zaid Daud. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis pragmatik. *Asian People Journal*, 3(1), 64-83.
- Syafiq Olbu. (2012). Menggunakan anggota tangan kiri [Web log post]. Retrieved from <https://shafiqolbu.wordpress.com/2012/12/24/menggunakan-anggota-tangan-kiri/>
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2018a). Imej rumput dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 7(1), 37-56.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2018b). Imej tebu dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), f24-29.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2019). Imej katak (துவளை) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal*, 4(1), 31-41.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2020). Gajah (யானை) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 134-146.
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2019a). Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *JSSH (Jurnal Sains Sosial dan Humaniora)*, 3(2), 117-129.
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2019b). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *The International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)*, 7(2), 70-88.
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2019c). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika*, 11(1), 34-42.
- Yulian Purnama. (2018). Mencuri adalah dosa besar [Web log post]. Retrieved from <https://muslim.or.id/43057-mencuri-adalah-dosa-besar.html>
- Zairina Zulkiflee Chandra. (2011). *Kajian tentang kualiti air mutlak menurut perspektif Islam* (Unpublished master's thesis). Universiti Teknologi Malaysia.